



13 Februari 2015
13 February 2015
P.U. (B) 38

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF
PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI
IMPORT GEGELUNG GULUNGAN PANAS YANG BERASAL
ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN
REPUBLIK INDONESIA**

***NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION
OF AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH
REGARD TO THE IMPORTS OF HOT ROLLED COILS
ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S
REPUBLIC OF CHINA AND REPUBLIC OF INDONESIA***



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
MENGENAI IMPORT GEGELUNG GULUNGAN PANAS YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN REPUBLIK INDONESIA

(AD 02/14)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 25(4)(a) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 15 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad di bawah subseksyen 25(1) Akta bahawa—

- (a) suatu margin lambakan wujud mengenai dagangan subjek yang berasal atau diekспорт dari Republik Rakyat China dan Republik Indonesia ke dalam Malaysia (“dagangan subjek itu”) seperti yang berikut:
 - (i) keluaran gulungan rata aloi (selain besi tahan karat) dan bukan aloi, gegelung gulungan panas yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.36 000, 7208.37 000, 7208.38 000, 7208.39 200, 7208.39 900, 7225.30 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.36.00 00, 7208.37.00 00, 7208.38.00 00, 7208.39.00 20, 7208.39.00 90, 7225.30.90 00;
 - (ii) keluaran gulungan rata bukan aloi, gegelung gulungan panas dengan corak sebagai ganti yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.10 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.10.00 00; dan
 - (iii) keluaran gulungan rata bukan aloi, gegelung gulungan panas, dijerk, yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.25 000, 7208.26 000, 7208.27 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.25.00 00, 7208.26.00 00, 7208.27.10 00, 7208.27.90 00; dan

- (b) kemudaran didapati wujud kerana industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaran material disebabkan oleh pengimportan dagangan subjek.

Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif

2. Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif adalah seperti yang berikut:

- (a) harga eksport dagangan subjek adalah kurang daripada nilai normalnya;
- (b) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaran material yang boleh dengan semunasabahnya dikaitkan dengan pengimportan dagangan subjek; dan
- (c) margin lambakan didapati wujud melalui kegiatan lambakan oleh pengeluar atau pengeksport dari Republik Rakyat China dan Republik Indonesia seperti yang berikut:

<i>Dagangan Subjek</i>	<i>Negara</i>	<i>Pengeluar/Pengeksport</i>	<i>Margin Lambakan</i>
(i) Keluaran gulungan rata aloi (selain besi tahan karat) dan bukan aloi, gegelung gulungan panas	Republik Rakyat China	Benxi Beiyang Iron and Steel Group Imp. and Exp. Corp. Ltd.	6.35%
		Benxi Iron and Steel (Group) Int'l Economic and Trading Co. Ltd.	3.49%
		Rizhao Steel Wire Co. Ltd.	12.19%
		Shanxi Taigang Stainless Steel Co. Ltd.	2.49%
	Republik Indonesia	Lain-lain	12.19%
		PT Krakatau Steel (Persero) Tbk.	11.20%
		Lain-lain	11.20%

(ii) Keluaran	Republik	Semua	15.62%
gulungan rata	Rakyat China	pengeluar/pengeksport	
bukan aloi,			
gegelung	Republik	Semua	25.40%
gulungan	Indonesia	pengeluar/pengeksport	
panas dengan			
corak sebagai			
ganti			
(iii) Keluaran	Republik	Semua	15.62%
gulungan rata	Rakyat China	pengeluar/pengeksport	
bukan aloi,			
gegelung	Republik	PT Krakatau Steel (Persero)	20.56%
gulungan	Indonesia	Tbk.	
panas, dijeruk		Lain-lain	20.56%

Duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang akan dikenakan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan

4. Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah kemudaratan kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa.

Tempoh pengenaan duti anti-lambakan

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai bagi tempoh lima tahun mulai 14 Februari 2015 hingga 13 Februari 2020.

JADUAL

[Perenggan 3]

DUTI ANTI-LAMBAKAN

<i>Dagangan Subjek</i>	<i>Negara</i>	<i>Pengeluar/Pengeksport</i>	<i>Kadar Duti (Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT))</i>
1. Keluaran gulungan rata aloi (selain besi tahan karat) dan bukan aloi, gegelung gulungan panas	Republik Rakyat China	Benxi Beiyang Iron and Steel Group Imp. and Exp. Corp. Ltd.	6.35%
		Benxi Iron and Steel (Group) Int'l Economic and Trading Co. Ltd.	3.49%
		Rizhao Steel Wire Co. Ltd.	12.19%
		Shanxi Taigang Stainless Steel Co. Ltd.	2.49%
		Lain-lain	12.19%
	Republik Indonesia	PT Krakatau Steel (Persero) Tbk.	11.20%
		Lain-lain	11.20%
2. Keluaran gulungan rata bukan aloi, gegelung gulungan panas dengan corak sebagai ganti	Republik Rakyat China	Semua pengeluar/pengeksport	15.62%
	Republik Indonesia	Semua pengeluar/pengeksport	25.40%